

Zahid samakan keselamatan makanan dengan keselamatan nasional
Malaysian Insider
March 10, 2016

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini menyamakan keselamatan makanan dengan keselamatan nasional.

"Kita sudah lihat banyak kes apabila sesebuah negara runtuh, makanan sukar diperoleh kerana soal keselamatan nasional dikompromikan," katanya sambil menegaskan prasyarat untuk mengekalkan jaminan makanan adalah keselamatan nasional.

Zahid berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Serantau untuk Asia dan Pasifik ke-33 Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di Putrajaya.

Sambil menyatakan soal keselamatan nasional cukup dekat di hatinya sebagai menteri dalam negeri, beliau berkata pengeluaran makanan adalah sukar jika sesebuah negara dibelenggu peperangan.

Katanya, berkata beliau komited memastikan keselamatan nasional serta kestabilan serantau diperkukuhkan dan dipertahankan.

"Hanya selepas itu, agenda keselamatan makanan menjadi realiti," katanya.

Beliau berkata terdapat tiga pendekatan untuk memastikan keselamatan makanan dan kedaulatan makanan di rantau ini.

Pendekatan itu merangsang pelaburan sektor swasta dalam pertanian, menangani isu perubahan iklim dengan pertanian mapan dan mengurangkan kemiskinan dengan memanfaatkan biodiversiti, katanya.

"Saya cukup yakin ketiga-tiga pendekatan ini mampu menyemarakkan pembangunan rantau ini," katanya sambil berharap adanya perbincangan yang aktif mengenai perkara itu bagi kepentingan negara anggota.

Zahid berkata Malaysia ialah satu daripada 72 negara di dunia yang mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Milenium-1 (MDG-1) untuk membasmi kemiskinan dan kelaparan.

Pada 2014, katanya Malaysia adalah antara 13 negara yang menerima pengiktirafan FAO atas pencapaian cemerlang dalam menangani kelaparan, mengatasi tarikh akhir MDG pada penghujung 2015.

"Namun kami tidak berhenti di situ," katanya sambil menambah kerajaan terus menangani isu kemiskinan menerusi Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan melalui Rancangan Pembangunan Ekonomi 5 tahun.

Merujuk kepada fakta pembaziran satu pertiga daripada makanan di seluruh dunia setiap tahun, Zahid meminta anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) menyokong

inisiatif FAO menangani pembaziran itu dengan membantu mengurangkan kesan karbon disebabkan pengeluaran makanan yang berlebihan.

Pada akhir majlis itu, Zahid turut melancarkan kempen MySaveFood, satu inisiatif global untuk mengurangkan pembaziran makanan.

Persidangan 5 hari yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya sejak 7 Mac, dikendalikan Kementerian Pertanian dan Asas Tani serta dihadiri delegasi daripada 46 negara Asia-Pasifik. – Bernama, 10 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/zahid-samakan-keselamatan-makanan-dengan-keselamatan-nasional>